



ANUGERAH PENDIDIK SANJUNGAN USM 2024

GARIS PANDUAN, KRITERIA & SYARAT PEMILIHAN

1. PENGENALAN

Anugerah Pendidik Cemerlang USM (APC USM) mula diperkenalkan pada tahun 2002 dan telah diumumkan pada Malam Anugerah Sanggar Sanjung 2002 dalam Majlis Makan Malam Anugerah Sanggar Sanjung 2003 pada 16 Januari 2003 di Hotel Equatorial.

Anugerah APC USM diwujudkan untuk memberi pengiktirafan dan penghargaan terhadap jasa dan pengorbanan para pendidik Universiti yang cemerlang, yang tidak pernah kenal erti penat lelah dalam mendidik generasi muda yang berwibawa, berkualiti dan berilmu. Adalah juga menjadi hasrat Universiti untuk memberi insentif bagi menggalakkan pendidik USM agar terus mencapai kecemerlangan dalam melaksanakan tugas pengajaran dan penyeliaan di pusat pengajian masing-masing.

Pada tahun 2005 nama Anugerah ini telah ditukarkan kepada Anugerah Pendidik Sanjungan (APS). Pemenang APS USM akan diberi penghormatan berkongsi pengalaman dalam program perkembangan profesional staf atau kursus yang berkaitan. Pemenang juga akan dipertimbangkan untuk pencalonan Anugerah Akademik Negara (AAN).

2. NILAI ANUGERAH

- a) Anugerah dan pengiktirafan yang diberikan adalah dalam bentuk berikut:
- b) Wang tunai sebanyak RM2,000.00 kepada setiap pemenang serta sijil.
- c) Nama dan gambar pemenang akan dimasukkan dalam Buku Cenderamata Majlis Anugerah Sanggar Sanjung.
- d) Nama dan gambar pemenang akan ditayangkan semasa persembahan multimedia Majlis Anugerah Sanggar Sanjung.

3. BILANGAN ANUGERAH

Sebanyak **ENAM** Anugerah Pendidik Sanjungan USM 2024 akan diberikan mengikut kelompok berikut:

BIL	PROGRAM	PUSAT PENGAJIAN
1.	Sains Tulen	Sains Kajihayat Sains Kimia Sains Fizik Sains Matematik Pendidikan Jarak Jauh [Sains]**
2.	Sains Gunaan	Sains Komputer Teknologi Industri Perumahan, Bangunan & Perancangan
3.	Kesihatan	Sains Farmasi Sains Perubatan Sains Pergigian Sains Kesihatan Institut Perubatan dan Pergigian Termaju
4.	Kejuruteraan	Kejuruteraan Aeroangkasa Kejuruteraan Awam Kejuruteraan Bahan & Sumber Mineral Kejuruteraan Elektrik & Elektronik Kejuruteraan Kimia Kejuruteraan Mekanik
5.	Sastera Tulen	Ilmu Kemanusiaan Sains Kemasyarakatan Pendidikan Jarak Jauh [Sastera]** Pendidikan Jarak Jauh [Sains Kemasyarakatan]** Bahasa, Literasi & Terjemahan*
6.	Sastera Gunaan	Seni Komunikasi Pengurusan Ilmu Pendidikan Pendidikan Jarak Jauh [Pengurusan]** Pusat Teknologi Pengajaran & Multimedia Siswazah Perniagaan

Jumlah permohonan yang boleh dikemukakan adalah berdasarkan jumlah staf akademik di pusat pengajian iaitu 1 penyertaan untuk setiap 50 staf akademik.

* Semua calon daripada kalangan guru bahasa adalah termasuk di bawah pencalonan dari Pusat Pengajian Bahasa, Literasi dan Terjemahan.

**** Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh hanya boleh menghantar SATU pencalonan sahaja di bawah mana-mana satu kategori di atas mengikut bidang pengajaran pendidik yang dicalonkan.**

Nota :

Pencalonan daripada Pusat Kecemerlangan akan dinilai mengikut kelompok yang berkaitan.

Pensyarah daripada Pusat Kecemerlangan yang terlibat dengan pengajaran di Pusat Pengajian layak untuk dicalonkan oleh Pusat Pengajian yang berkenaan.

4. SYARAT & PROSEDUR PEMILIHAN

- a) Permohonan adalah melalui borang permohonan yang disediakan dan perlu dimajukan oleh Ketua Pusat Tanggungjawab (PTJ).
- b) Setiap borang permohonan mesti dikemukakan lengkap dengan portfolio pengajaran (bahan sokongan) calon mengikut susunan seperti berikut:-
 - Falsafah dan penjelasan tentang pengajaran yang dilakukan;
 - Penyata Inovasi;
 - Bahan bukti bahawa pembelajaran berkesan telah berlaku. Contoh: muka surat laman-web, emel, gambar/foto calon semasa aktiviti mengajar, dokumentasi pengajaran, tugas pelajar, CD, *field trip*, dsb.;
 - Bahan Pengajaran dan Penilaian (sertakan sampel sahaja);
 - Bahan bukti penyeliaan pelajar yang berkesan;
 - *Curriculum vitae* (CV) dan bahan lain yang berkaitan.
 - Silibus dan rangka kursus bagi kursus terkini yang diajar; dan
 - Testimoni pelajar/staf sokongan/rakan sejawat.
- c) Borang pencalonan yang tidak lengkap atau tidak memenuhi kriteria yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan.
- d) Dekan Pusat Pengajian/Pengarah pusat tidak boleh dicalonkan untuk APS.
- e) Semua bahan sokongan yang dikemukakan oleh calon akan dikembalikan selepas proses pemilihan pemenang tamat dijalankan.
- f) Calon yang berjaya akan diraikan dalam Majlis Anugerah Sanggar Sanjung.
- g) Calon yang berjaya akan diberi penghormatan berkongsi pengalaman dalam program perkembangan profesional staf atau kursus yang berkaitan. Pemenang juga akan boleh dipertimbangkan untuk pencalonan Anugerah Akademik Negara (AAN).
- h) Calon mestilah telah berkhidmat di USM **sekurang-kurangnya 5 tahun** bekerja pada 31 Disember 2024.
- i) Calon yang memenangi Anugerah Pendidik Sanjungan hanya layak untuk memohon semula selepas tempoh lima (5) tahun dari tahun kemenangan APS.

Penilaian akan dibuat berdasarkan bahan pengajaran yang dihasilkan selepas tahun kemenangan.

5. KRITERIA PEMILIHAN

Kriteria yang digunakan meliputi semua aspek pengajaran, pembelajaran serta penyeliaan dan penasihat. Pengajaran cemerlang adalah pengajaran yang boleh meningkatkan perkembangan diri pelajar yang menyeluruh dari aspek keintelektualan, sosial, personaliti dan emosi, tidak kira dalam apa-apa jua situasi pengajaran yang dijalankan.

Tahap pemilihan pertama adalah di peringkat PTJ di mana pihak PTJ perlu menggunakan kebijaksanaan menilai kewibawaan calon berdasarkan penilaian yang diberikan oleh pelajar, rakan sejawat dan dekan/pengarah/penyelaras setiap PTJ.

Tahap kedua dan ketiga ialah di peringkat Universiti yang mana Jawatankuasa Pemilihan APS akan melakukan saringan pertama dan seterusnya Panel Pemilih Bebas APS akan menilai demonstrasi pengajaran calon yang lulus saringan pertama.

Kriteria Penilaian merangkumi aspek berikut:-

- a) Falsafah pengajaran calon
 - Perkaitannya dengan misi USM
 - Inovasi yang diterapkan
- b) Silibus kursus dan analisis
 - Perkaitan silibus kursus dengan falsafah pengajaran dan hasil pembelajaran
 - Aktiviti yang berkaitan hasil pembelajaran
- c) Inovasi
 - Keaslian inovasi pengajaran dan pembelajaran
 - Kerelevanan inovasi dalam konteks pemohon
 - Impak inovasi kepada pengajaran dan pembelajaran
- d) Keberkesanan pengajaran, kreativiti, pembelajaran berasaskan teknologi dan penyeliaan
 - Pencapaian hasil pembelajaran
 - Penggunaan strategi pembelajaran yang kreatif
 - Integrasi teknologi dalam pengajaran
 - Bimbingan terhadap pembelajaran (bimbing-selia, penasihat yang substantif)
 - Penyelidikan dan Penerbitan yang berkaitan dengan pengajaran

- Penyeliaan (contoh: sampel tesis yang disemak, bilangan penyeliaan, bilangan pelajar yang bergraduat, hasil penerbitan pelajar dan sebagainya)

e) Bahan pengajaran dan penilaian

- Kesesuaian (contohnya tahap dan skop)
- Keterkinian
- Kepelbagaian dalam pengajaran, pembelajaran dan penilaian
- Merangsang dan memupuk pemikiran kritis
- Keselajaran dan kepelbagaian penilaian
- Impak penilaian terhadap pembelajaran
- Pemajuan ilmu calon secara berterusan dalam pengajaran dan pembelajaran

NOTA PENTING: Bukti bagi semua kriteria perlu disertakan

6. PROSEDUR PEMILIHAN CALON

Terdapat tiga tahap pemilihan. Peringkat pertama ialah pemilihan oleh PTJ. Peringkat kedua ialah pemilihan dalam kelompok disiplin pengajian oleh ahli jawatankuasa yang dilantik. Pemilihan terakhir dilaksanakan oleh Panel Pemilih Bebas APS.

Sebuah jawatankuasa telah dibentuk untuk menguruskan semua hal berkaitan APS USM iaitu Jawatankuasa Pemilihan Anugerah Pendidik Sanjungan USM yang bertanggungjawab menetapkan mekanisme penilaian merangkumi kriteria, syarat dan prosedur pelaksanaan Anugerah Pendidik Sanjungan USM. Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Pengarah Pusat Pembangunan Kecemerlangan Akademik dan keahliannya terdiri daripada pensyarah yang dilantik daripada enam kelompok disiplin pengajian iaitu Sains Tulen, Sains Gunaan, Sastera Tulen, Sastera Gunaan, Kesihatan dan Kejuruteraan.

a) Tatacara Pemilihan di Peringkat PTJ

- i. Dekan/Pengarah PTJ hendaklah membentuk satu **Jawatankuasa Anugerah Pendidik Sanjungan 2024** di peringkat Pusat/Pusat Pengajian (Jawatankuasa APS-PTJ).
- ii. Jawatankuasa APS-PTJ perlu menggunakan kebijaksanaan dan ketetapan PTJ masing-masing dalam menilai kewibawaan calon berdasarkan kesungguhan dan prestasi calon serta penilaian yang diberikan sama ada oleh pelajar, rakan sejawat atau dekan/pengarah/penyelaras di PTJ berkenaan.

- iii. PTJ amat digalakkan memberi sokongan dan membantu calon tersebut menyediakan dokumen serta bahan bukti pengajaran yang lengkap seperti dinyatakan dalam Borang Pencalonan.
- iv. PTJ diminta memaklumkan nama calon APS masing-masing dalam mesyuarat Majlis Pusat Pengajian/Pusat agar semua staf mengambil maklum, sekaligus menjadikan calon sebagai pensyarah yang boleh diteladani. Sebaiknya calon juga dipertimbangkan untuk memperoleh pengiktirafan dalam apa-apa bentuk sekali pun oleh pusat pengajian.

b) Tatacara Pemilihan di Peringkat Jawatankuasa Pemilihan APS USM (Portfolio)

- i. Jawatankuasa Pemilihan APS USM akan menyemak semua maklumat yang diberikan, menjalankan saringan dan mengemukakan senarai calon yang layak untuk **pemilihan muktamad oleh Panel Pemilih Bebas** yang dilantik.
- ii. Calon akan dijemput untuk sesi simulasi pengajaran dan temuduga oleh Panel Pemilih Bebas APS USM sekiranya calon melepasi tahap saringan di peringkat kelompok masing-masing.

c) Tatacara Pemilihan Peringkat Panel Pemilih Bebas APS USM (MicroTeaching)

- i. Ahli panel terdiri daripada Pengerusi Jawatankuasa Pemilihan APS USM, sekurang-kurangnya dua (2) orang pakar pendidikan atau bekas pemenang APS USM, dan dua (2) orang wakil Pelajar/Alumni.
- ii. Panel ini akan menilai calon-calon berdasarkan simulasi pengajaran dan temuduga bersama-sama dengan semua bukti permohonan. Panel kemudiannya akan memperakukan seorang pemenang daripada setiap kelompok pengajian yang layak menerima APS.
- iii. Nama pemenang akan dikemukakan kepada Jawatankuasa Induk Anugerah Sanggar Sanjung 2024 untuk dianugerahkan Anugerah Pendidik Sanjungan USM 2024.